

## Tiara Beach Resort tarik 1.5j pengunjung

KUALA LUMPUR 25 Dis. – Salah sebuah Pusat peranginan terkemuka di Port Dickson, Negeri Sembilan, Tiara Beach Resort bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan AirAsia Bhd. bagi mempromosikan pusat peranginan tersebut kepada pelancong asing.

Kerjasama dengan syarikat penerbangan tambang murah terkemuka Asia itu bertujuan menarik pelancong asing, terutamanya dari Indonesia dan Thailand melalui promosi 'Go Holiday Section'.

Pengarah Urusan Tiara Beach, Kelvin Cheong berkata, sejak ia dibuka pada Januari 2005 lalu, pusat peranginan tersebut telah menerima seramai 1.5 juta pengunjung.

"Ketika ini, kami sedang giat menjalankan promosi untuk meningkatkan lagi jumlah pengunjung khususnya dari luar negara.

"Pencapaian kami sehingga kini adalah baik dan amat menggalakkan dan kami menetap sasaran untuk menjadikan Tiara Beach sebagai salah satu destinasi popular bukan sahaja di kalangan pengunjung tempatan, tetapi juga dari Singapura

Menurut beliau, Tiara Beach bukan sahaja tempat bersantai, malah juga sesuai untuk dijadikan tempat bermesyuarat, di samping menikmati pelbagai aktiviti rekreasi.

Katanya, Tiara Beach juga mengadakan usaha sama dengan kerajaan Negeri Sembilan dalam mempromosikan sektor pelancongan.

Pihaknya juga menetapkan sasaran untuk menyumbang peningkatan 30 peratus dalam jumlah kedatangan pelancong ke negeri itu menjelang 2017, katanya.

Pusat peranginan itu, yang terletak di selatan Port Dickson yang terkenal dengan pemandangan indah dengan alam semula jadinya, dibina di kawasan seluas 9.2 hektar dan mampu memuatkan 5,000 pengunjung pada satu-satu masa.